

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BAZAR RAMADHAN

A. Pengeluaran Borang

1. Tarikh pengeluaran borang permohonan adalah mulai pada **4 Mac 2019 (Isnin)** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **22 Mac 2019 (Jumaat) sebelum jam 4.00 petang**.
2. Borang permohonan akan dilengkapi dengan nombor siri bagi mengelakkan pengeluaran borang yang berulang / fotostat.
3. **Maksimum permohonan** bagi setiap pemohon hanya **2 petak** sahaja.
4. **Pemohon mestilah WARGANEGARA MALAYSIA yang menetap di dalam kawasan Majlis Daerah Tanjong Malim.**
5. Tawaran kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** yang menetap di luar kawasan MDTM hanya akan dipertimbangkan sekiranya terdapat kekosongan tapak.
6. Permohonan **yang lewat** diterima daripada tarikh tutup permohonan, **tidak akan dipertimbangkan**.
7. **Tarikh Kursus Pengendalian Makanan dan Undi Tapak adalah pada 25 April 2019 (Khamis)**

B. Tempat Bazar Ramadhan

1. Jalan Wawasan Mesra Utama, Bandar Behrang 2020
2. Petak Meletak Kenderaan Jalan Perdana 6, Pusat Perniagaan Slim Perdana, Slim River
3. Jalan Douglas (Bersebelahan Am Bank/Klinik Bakti), Tanjong Malim
4. Petak Meletak Kenderaan (Hadapan Pasar Awam) Behrang Stesyen.
5. Tapak Pasar Lambak, Slim Village.
6. Tapak Parkir, Jalai Pulau 1, (Hadapan Restoran Hijas), Proton City.
7. Taman Sekiah Makmur, Behrang Ulu

C. Kadar Bayaran / Keluasan Tapak

Kadar bayaran 1 petak tapak Pasar Ramadhan MDTM bagi tahun 2019 adalah seperti berikut :

Lokasi Perniagaan	Luas Tapak	Sewa Kanopi/ Sewa Tapak	Apron/ Lapik Meja/Topi	Pendaftaran (RM)	Pembersihan	Jumlah
1.Behrang 2020	10' X 10'	RM 200.00	RM 34.00	RM 11.00	RM 45.00	RM290.00
2 Slim River	10' X 10'	RM 200.00	RM 34.00	RM 11.00	RM 45.00	RM290.00
3.Tg. Malim	10' X 10'	RM30.00	RM34. 00	RM 11.00	RM 45.00	RM120.00
4.Behrang Stesen	10' X 10'	RM30.00	RM 34.00	RM 11.00	RM 45.00	RM120.00
5.Slim Village	10' X 10'	RM30.00	RM 34.00	RM 11.00	RM 45.00	RM120.00
6.Proton City	10' X10'	RM30.00	RM 34.00	RM 11.00	RM 45.00	RM120.00
7.Behrang Ulu	10'X10'	RM30.00	RM 34.00	RM 11.00	RM 45.00	RM120.00

D. SYARAT-SYARAT AM

- a. Setiap penjaja / peniaga mesti mempunyai permit / lesen perniagaan Bazar Ramadhan yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.
- b. Pelesen hendaklah **mempamerkan lesennya** pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat dipremis / kenderaan / gerai yang dilesenkan dan hendaklah menunjukkan lesen itu apabila dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana orang yang diberikan kuasa oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.

- c. Pelesen hendaklah menjalankan perniagaan sendiri. Mana-mana pelesen yang **membenarkan orang lain berniaga** ditapak tersebut atau **menjual tapak** kepada orang lain akan dikenakan tindakan kompaun atau **lesen akan dibatalkan** dengan serta-merta.
- d. Tempoh masa berniaga adalah dari jam **3.00 petang hingga 8.00 malam**.
- e. Pelesen tidak dibenarkan membuat pindah milik lesen kepada orang lain.
- f. Pelesen tidak boleh menjalankan perniagaan dengan cara yang boleh menghalang perjalanan lancar lalulintas kenderaan dan pergerakan bebas orang berjalan kaki.
- g. Pelesen tidak dibenarkan menggunakan pembesar suara yang boleh mengganggu ketenteraman awam.
- h. Pelesen tidak dibenarkan meletakkan barang niaga atau benda yang berkaitan dengan perniagaan mengunjur keluar melebihi had petak / gerai yang telah diperuntukkan.
- i. Pelesen tidak dibenarkan mendirikan apa-apa peredup, pelindung atau sekatan atau membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada sesuatu gerai tanpa kebenaran Majlis Daerah Tanjong Malim.
- j. Tidak dibenarkan mendirikan gerai sementara selain daripada gerai yang diperuntukkan.
- k. Pelesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan secara bertulis atau lisan diperuntukkan.
- l. Mana-mana pelesen yang melanggar apa-apa peruntukkan syarat perniagaan adalah melakukan kesalahan. Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan.
- m. Semua peniaga adalah juga tertakluk atau terikat dengan semua undang-undang diperuntukkan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.
- n. Pelesen hendaklah **menjelaskan segala bayaran** yang telah ditetapkan sebelum perniagaan dijalankan.
- o. Pelesen juga diwajibkan **mempamerkan harga setiap jenis makanan**.
- p. Pemberian tapak perniagaan akan dizonkan mengikut jenis perniagaan.

E. KEBERSIHAN / KESIHATAN PENGENDALI MAKANAN

- a. Semua **pengendali** dan **pembantu pengendali** makanan diwajibkan menjalani **pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan pelalian demam kepialu (suntikan Typhim)** daripada pegawai perubatan atau kesihatan.
- b. Semua **pengendali** dan **pembantu pengendali** makanan diwajibkan **menghadiri kursus pengendalian makanan** yang dianjurkan oleh pihak Majlis dan memakai kad pengendali makanan sepanjang menjalankan perniagaan.
- c. Semasa mengendalikan makanan semua pengendali dikehendaki :-
 - i. Memakai pakaian yang bersih dan sesuai. Seluar pendek dan baju yang tidak berlungan adalah tidak dibenarkan.
 - ii. Memakai apron yang bersih dan berwarna cerah.
 - iii. Memakai tudung kepala / topi yang bersih.
 - iv. Kuku hendaklah sentiasa pendek, bersih, tidak memakai cincin dan apa-apa aksesori perhiasan diri.
 - v. Tidak dibenarkan :-
 - 1) Meludah, membuang hingus, menghisap rokok menggunakan tembakau, mengunyah tembakau atau buah pinang semasa menyediakan atau menghidang makanan.
 - 2) Seseorang yang luka atau pecah kulit untuk menjual atau menyediakan makanan untuk dijual.
 - 3) Menyentuh makanan dengan tangan tetapi hendaklah menggunakan penyeduk, penyepit atau lain-lain pekakas yang sesuai untuk menyentuh makanan tersebut.
 - 4) Batuk atau bersin ke atas mana-mana makanan atau bekas makanan.

F. PERLINDUNGAN MAKANAN

- a. Semua peniaga diwajibkan **menutup makanan** yang dijual dengan **penudung** atau **plastik putih** sahaja bagi mengelakkan daripada dimasuki lalat, serangga atau debu.
- b. Menggunakan **penyepit** setiap kali menyentuh makanan.
- c. Semua peralatan / bekas untuk penyediaan makanan hendaklah sentiasa bersih, dan tidak sumbing / pecah / retak.
- d. Semua peniaga diwajibkan menyediakan **pengalas meja** sama ada plastik atau kain yang bersih untuk mengalas meja.

G. KEBERSIHAN SEKITAR

- a. Semua peniaga diwajibkan **menyediakan tong sampah yang berpenutup atau plastik hitam** bagi membuang sisa makanan dan sampah tersebut hendaklah **dibuang terus ke dalam tong sampah** yang disediakan oleh pihak Majlis selepas perniagaan tamat.
- b. Memastikan keadaan sekitar perniagaan sentiasa bersih, semasa dan selepas perniagaan dijalankan.
- c. Menyediakan **kanvas / lapik** dibahagian lantai bagi premis yang menjalankan aktiviti memasak dan menggoreng bagi mengelakkan percikan minyak dan lain-lain kotoran di atas lantai.

H. PERKAKAS / PERALATAN BERNIAGA

- a. Semua peniaga tidak dibenarkan meninggalkan apa-apa perkakas / peralatan berniaga seperti meja, alat-alat memasak, di tapak niaga selepas tamat waktu perniagaan.
- b. Peniaga **hanya dibenarkan** menggunakan **meja lipat dan payung** untuk menjalankan perniagaan.

I. PENALTI

- a. Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di atas adalah menjadi kesalahan dan Majlis boleh mengambil tindakan kompaun, merampas, membatalkan lesen perniagaan atau mengenakan tindakan mahkamah.
- b. Seseorang yang menjalankan perniagaan di premisnya tanpa mempunyai lesen yang sah dari Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan kompaun sehingga dua ratus lima puluh ringgit selepas disabitkan (Peruntukkan 3 Undang-undang Kecil Penjaja) MDTM 1984.

SENARAI MAKANAN DAN HARGA JUALAN MAKANAN

BIL	JENIS MAKANAN	KADAR HARGA RM
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		

PERINGATAN : **SENARAI HARGA HENDAKLAH DIPAMIRKAN KEPADA UMUM SEMASA
AKTIVITI PERNIAGAAN DI JALANKAN.**